PP lwn. MUHAMMAD FADHIL IBRAHIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHAMAD SHARIFF ABU SAMAH PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45(SO)-2-01-2015]
21 JANUARI 2016

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 130J(1)(a) – Cubaan memberi sokongan dan manfaat pada kumpulan pengganas Islamic State ('IS') – Tertuduh mengaku salah – Sabitan dan hukuman – Mitigasi – Faktor-faktor yang dipertimbangkan – Sama ada kepentingan awam diberi keutamaan – Kesalahan pertama dan pesalah muda – Sama ada tempoh pemenjaraan singkat memberi pengajaran serta pemulihan*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Mitigasi – Faktor-faktor yang dipertimbangkan mahkamah – Sama ada kesalahan mewajarkan hukuman pemenjaraan – Sama ada kepentingan awam diberi keutamaan – Tertuduh mengaku salah – Kesalahan pertama dan pesalah muda – Sama ada tempoh pemenjaraan singkat memberi pengajaran serta pemulihan*

Tertuduh telah dihadapkan dengan kes utama yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan keganasan. Fakta menunjukkan bahawa pada bulan September 2014, tertuduh telah menerima sampul berisi berjumlah RM7,500 daripada Muhammad Iman Amir Azlan yang telah memaklumkan kepada tertuduh bahawa duit tersebut telah diberikan oleh seorang Amir Azlan Zainuddin dan Nazhatulshima Sahak untuk membeli tiket ke Syria. Pada 26 September 2014, tertuduh membeli tiket penerbangan pesawat Emirates secara dalam talian untuk perjalanan pada 15 Oktober 2014 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ('KLIA') ke Dubai dan seterusnya menaiki pesawat Emirates pada 16 Oktober 2014 dari Dubai ke Istanbul Turki, serta tiket perjalanan pada 31 Oktober 2014 dari Istanbul ke Dubai dan KLIA. Tertuduh membayar RM2,483 untuk perjalanan dua hala. Pada 13 Oktober 2014, Inspektor Nazlee Bahari telah menangkap tertuduh bersama beberapa orang lain di sebuah restoran. Antara barang yang turut dirampas daripada tertuduh adalah dua pasport Malaysia atas nama tertuduh dan itinarari tiket elektronik pesawat Emirates atas nama tertuduh. Tindakan tertuduh telah didapati cuba memberi sokongan kepada kumpulan pengganas yang dikenali sebagai Islamic State ('IS') dengan cara membeli tiket penerbangan pesawat Emirates dari KLIA ke Istanbul Turki dan dalam percubaan memberi sokongan itu, hendak memasuki Syria melalui Istanbul untuk manfaat kumpulan IS tersebut dan oleh demikian, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah s. 130J(1)(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama-sama s. 511 Kanun yang sama. Atas pengakuan bersalah oleh OKT, tertuduh didapati bersalah dan disabitkan atas tuduhan. Isu yang timbul adalah apakah bentuk hukuman yang sesuai dijatuhkan terhadap perayu.

Diputuskan (menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap tertuduh):

(1) Mahkamah ini mengambil notis kehakiman bahawa kumpulan IS mula wujud selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq pada tahun 2003 dan bertambah besar dan berpengaruh selepas tentera Amerika Syarikat keluar dari Iraq pada tahun 2011. Malahan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menetapkan usul bahawa Kumpulan IS adalah sebuah kumpulan pengganas, dan ini berlaku jauh lebih awal dari tarikh OKT ditangkap pada 13 Oktober 2014. Oleh itu, kumpulan IS adalah satu kumpulan pengganas bagi maksud Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) dan terjumlah kepada tafsiran kumpulan pengganas, entiti pengganas dan harta benda pengganas di bawah s. 130B Kanun Keseksaan. (perenggan 22)

(2) Walaupun hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh tidak menetapkan hukuman penjara mandatori, memandangkan keseriusan kesalahan berkaitan unsur keganasan, hukuman pemenjaraan wajar dikenakan bagi memberikan teladan kepada masyarakat umum supaya menjauhi kesalahan seumpama ini. Kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan dalam menghadapi kesalahan yang melibatkan keganasan tanpa mengira keganasan tersebut berlaku di dalam atau luar negara. Kepentingan awam hendaklah dalam keadaan kes ini sentiasa mengatasi kepentingan seseorang tertuduh. Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh amat menjijikkan dan masyarakat mengutuk sekeras-kerasnya perlakuan ini, lebih-lebih lagi kejadian yang malang ini dilakukan oleh anak bangsa sendiri. (perenggan 23 & 24)

(3) Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah satu jenayah yang masih belum muktamad. Walaupun terdapat satu perancangan rapi, ia tidak dilakukan oleh tertuduh sendiri tetapi diatur sedemikian rupa oleh pihak Amir Azlan dan Nazhatulshima. Tertuduh gagal dalam pelajaran di peringkat sekolah dan terpesong dalam ajaran agama, menyebabkan tertuduh mudah terpengaruh. Umur tertuduh yang masih muda iaitu 25 tahun semasa kejadian menyebabkan tertuduh tidak begitu matang serta berfikiran cetek untuk memikirkan akibat perbuatannya. (perenggan 26)

(4) Mitigasi utama tertuduh yang wajar diberikan penekanan adalah faktor bahawa tertuduh telah mengaku bersalah dan bahawa tertuduh adalah pesalah pertama. Tertuduh adalah orang yang terawal telah mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah kesalahan berkaitan keganasan. Dengan mengaku salah, tertuduh dapat menyelamatkan masa dan perbelanjaan semua pihak. Selanjutnya, ini kesalahan pertama tertuduh. Sebagai pesalah muda dan pesalah pertama, hukuman pemenjaraan

untuk tempoh yang panjang tidak membawa sebarang kebaikan kepada masyarakat dan kepentingan awam. Tempoh pemenjaraan yang singkat boleh mencapai matlamat memberi pengajaran serta pemulihan kepada masyarakat umum dan juga tertuduh. Hukuman penjara dua tahun terhadap tertuduh memadai dan setimpal dengan jenayah yang dilakukan. (perenggan 28 & 30)

Kes-kes yang dirujuk:
PP lwn. Abdul Halim Ishak & Satu Lagi [2013] 9 CLJ 559 CA ***(dirujuk)***
PP v. Jafa Daud [1981] 1 LNS 28 ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Ummi Kalsom Bahak [2015] 7 CLJ 503 HC ***(dirujuk)***
R v. Ball [1951] 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***
R v. Ipeelee [2012] 1 SCR 433 ***(dirujuk)***
Yusmarin Samsuddin v. PP [1999] 4 CLJ 391 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 130B, 130J(1)(a), 511

Bagi pihak pendakwaan - Noor Svetlana Mohd Noor Nordin (Wan Shahida bersamanya); TPR
Bagi pihak OKT - Amir Khusyairi Mohamad Tanusi; T/n Amir Khusyairi & Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohamad Shariff Abu Samah PK:

Latar Belakang Kes

[1] Tertuduh telah dihadapkan dengan satu kes utama yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan keganasan. Atas pengakuan bersalah oleh OKT, tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan atas tuduhan yang dibacakan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 13 Oktober 2014 jam lebih kurang 10.50 malam, di Restoran Hakim Sdn Bhd, Jalan Zirkon E7/E, Seksyen 7, di dalam Daerah Shah Alam, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan pengetahuan dan dengan cara membeli tiket penerbangan pesawat EMIRATES dari KLIA ke Istanbul Turki, cuba memberi sokongan kepada kumpulan pengganas iaitu Islamic State, dan dalam percubaan memberi sokongan itu, kamu hendak memasuki Syria melalui Istanbul untuk manfaat kumpulan Islamic State tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 130J(1)(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 511 Kanun yang sama dan boleh dihukum di bawah seksyen 130J Kanun yang sama.
>
> Hukuman
>
> Sekiranya disabitkan, kamu boleh dipenjarakan untuk tempoh penjara tidak boleh lebih daripada setengah daripada tempoh yang lama sekali yang diperuntukkan oleh seksyen 130J Kanun Keseksaan iaitu penjara

A seumur hidup atau penjara selama tempoh tidak melebihi 30 tahun, atau denda, dan boleh dirampas mana-mana harta yang telah digunakan atau diniat untuk digunakan bagi melakukan kesalahan itu.

Fakta Kes

B **[2]** Pada tahun 2010, tertuduh menyertai Harakah Islam Malaysia (HIM) di Bangi, Selangor. Tertuduh mengikuti HIM selama lebih kurang tiga tahun. Semasa menyertai HIM, ianya banyak mengajar tentang jihad dan mengajak pengikut untuk berhijrah di Negara Islam Indonesia (NII) di Indonesia untuk bersyahadah (*bai'ah*) sebelum kembali ke Malaysia untuk mengembangkan lagi ajaran dan mengajak lebih ramai rakyat Malaysia untuk menyertai NII.
C Tertuduh juga telah mengikuti usrah di Indonesia sebanyak dua kali. Kali pertama di Jogjakarta pada 2010 dan kali kedua pada tahun 2012. Tertuduh juga pernah mengangkat sumpah dengan kumpulan HIM pada tahun 2010 yang diketuai oleh Pak Alu (nama samaran) dan kali kedua di Indonesia.

D **[3]** Pada tahun 2014, tertuduh bersama-sama Muhammad Na'eem bin Apandi telah bersepakat untuk keluar dari HIM dan mencari kerja bagi mengumpul wang untuk ke Syria bagi menyertai IS. Tertuduh mengenali Muhammad Na'eem bin Apandi pada tahun 2012 ketika sama-sama hadir usrah anjuran HIM.

E **[4]** Pada hujung bulan Ogos 2014, tertuduh dan Muhammad Na'eem bin Apandi telah diperkenalkan kepada Amir Azlan bin Zainuddin dan Nazhatulshima binti Sahak oleh individu bernama Azim dengan tujuan mendapatkan kerja. Tertuduh bersama Muhammad Na'eem bin Apandi telah bekerja dengan Amir Azlan bin Zainuddin dengan tujuan mengumpul wang
F untuk ke Syria dan bekerja sebagai tukang masak di Poco Box Café dan sebagai krew di The Basty Merch iaitu kedai mencetak pakaian milik Amir Azlan bin Zainuddin.

[5] Pada Ogos 2014, Muhammad Na'eem bin Apandi memperkenalkan tertuduh kepada Rohaimi bin Abdul Rahim di sebuah kedai mamak di
G Masjid India Kuala Lumpur dengan tujuan mendapatkan maklumat mengenai pergolakan di Syria.

[6] Pada lebih kurang awal bulan September 2014, jam lebih kurang 10 malam bertempat kedai mamak di Masjid India Kuala Lumpur, tertuduh bersama Muhammad Na'eem bin Apandi, Megat, Amir Azlan bin
H Zainuddin, Nazhatulshima binti Sahak, Muhammad Iman bin Amir Azlan dan Muhammad Amar bin Amir Azlan telah berjumpa dengan Rohaimi bin Abdul Rahim untuk tujuan berkenalan dan membincangkan tentang isu IS.

[7] Pada pertemuan ketiga, iaitu di Restoran Lebai Dolah Seksyen 13 Shah Alam tertuduh bersama Muhammad Na'eem bin Apandi, Amir Azlan
I bin Zainuddin, Nazhatulshima binti Sahak, Fadzil, Ruzeima dan Amrin telah berjumpa dengan Rohaimi bin Abdul Rahim dan isu yang dibincangkan ialah tentang isu Syria dan IS.

[8] Pertemuan keempat ialah di Wangsa Maju iaitu dalam bulan September 2014, disertai oleh tertuduh, Muhammad Na'eem bin Apandi, Megat, Muhammad Iman bin Amir Azlan, Khairul, Rohaimi bin Abdul Rahim dan seorang individu wanita. Tujuan pertemuan diadakan adalah membincangkan tentang tarikh dan persiapan untuk ke Syria bagi menyertai IS.

[9] Pertemuan kelima ialah di Restoran Hakim Shah Alam, tertuduh bersama-sama Muhammad Na'eem bin Apandi, Amir Azlan bin Zainuddin, Nazhatulshima binti Sahak, Muhammad Iman bin Amir Azlan, Muhammad Amar bin Amir Azlan, Fadzil, Ruzeima dan anak Fadzil, Rohaimi bin Abdul Rahim dan Khairul. Tujuan perjumpaan diadakan ialah untuk memaklumkan kepada Rohaimi bin Abdul Rahim yang tertuduh dan keluarga Amir bin Zainuddin telah menetapkan tarikh untuk ke Syria.

[10] Pertemuan keenam ialah di kedai mamak di Masjid India Kuala Lumpur disertai oleh tertuduh, Muhammad Na'eem bin Apandi, Megat, Khairul, Rohaimi bin Abdul Rahim dan empat orang kawan Rohaimi bin Abdul Rahim. Tujuan perjumpaan ialah berbincang tentang isu Syria dan agama.

[11] Perjumpaan ketujuh ialah di Restoran Hakim Shah Alam. Tertuduh bersama Muhammad Na'eem bin Apandi, Mohd Halimi bin Che Zaltini, Amir Azlan bin Zainuddin, Nazhatulshima binti Sahak, Muhammad Iman bin Amir Azlan, Muhammad Amar bin Amir Azlan, Ali Imran, Rohaimi bin Abdul Rahim, Mohammad Na'im bin Abd Rashid, Mohd Fauzi bin Misrak, dan Hidzir. Tujuan perjumpaan ialah untuk perbincangan tentang persiapan akhir untuk ke Syria bagi menyertai IS.

[12] Pada hujung bulan September 2014, tertuduh menerima sampul berisi wang berjumlah RM7,500 daripada Muhammad Iman bin Amir Azlan. Muhammad Iman bin Amir Azlan memaklumkan kepada tertuduh bahawa duit tersebut telah diberikan oleh Amir Azlan bin Zainuddin dan Nazhatulshima binti Sahak untuk membeli tiket ke Syria. Pada 26 September 2014, tertuduh telah pergi ke mesin CDM Maybank cawangan Setia Alam, Shah Alam dan memasukkan wang berjumlah RM7,500 ke dalam akaun Maybank miliknya.

[13] Pada 26 September 2014, bertempat di pejabat The Basty Jalan Iskandar Bukit Kapar, Klang dibantu oleh Muhammad Iman bin Amir Azlan, tertuduh telah membeli tiket penerbangan pesawat Emirates EK347 secara dalam talian untuk perjalanan pada 15 Oktober 2014 jam 4.30 petang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Dubai dan seterusnya menaiki pesawat Emirates EK121 pada 16 Oktober 2014 jam 11.20 pagi dari Dubai ke Istanbul Turki, serta tiket perjalanan pada 31 Oktober 2014 jam 4.05 petang dari Istanbul - Dubai - KLIA. Tertuduh telah membayar sebanyak RM2,483 untuk perjalanan dua hala.

[14] Pada 13 Oktober 2014, jam lebih kurang 10.45 malam, Inspektor Nazlee bin Bahari telah menangkap tertuduh bersama Rohaimi bin Abdul Rahim, Muhammad Fauzi Misrak, Amir Razlan bin Zainuddin, Nazhatulshima binti Sahak, Muhammad Iman bin Amir Azlan, Muhammad Amar bin Amir Azlan Ali Imran, Muhammad Na'eem bin Apandi, Na'im Rashid, Mohd Haimi bin Che Zaltini dan Hidzir di aras dua, Restoran Hakim Sdn Bhd No. 2 dan 4, Jalan Zirkon E/7E Seksyen 7, 40000 Shah Alam.

[15] Barang yang turut dirampas dari tertuduh ialah:

(i) satu beg jenama Mont Blanc warna hijau mengandungi:

(a) pakaian; dan

(b) dua pasport Malaysia atas nama Muhammad Fadhil bin Ibrahim.

[16] Hasil siasatan juga telah menjumpai itinerari tiket elektronik pesawat Emirates atas nama tertuduh dengan nombor tiket 1762184629875 di dalam emel milik tertuduh.

[17] Tindakan tertuduh telah didapati cuba memberi sokongan kepada kumpulan pengganas yang dikenali sebagai Islamic State (IS) dengan cara membeli tiket penerbangan pesawat Emirates dari KLIA ke Istanbul Turki dan dalam percubaan memberi sokongan itu, hendak memasuki Syria melalui Istanbul untuk manfaat kumpulan Islamic State tersebut suatu kesalahan di bawah s. 130J(1)(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 511 Kanun yang sama.

Keputusan Mahkamah

[18] Dalam menentukan apakah bentuk hukuman yang bersesuaian terhadap perayu dalam menentukan rayuan yang dibuat, mahkamah ini sering merujuk kepada suatu prinsip yang dinyatakan secara jelas dalam kes *PP v. Jafa Daud* [1981] 1 LNS 28; [1981] 1 MLJ 315 seperti berikut:

> ... sentence according to law, means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section but it also be assessed and passed accordance with established judicial principles ...

[19] Mahkamah ini juga merujuk kepada kes *R v. Ball* [1951] 35 Cr App R 164 apabila menyatakan:

> ... our law does not therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe ...

[20] Justeru itu, hukuman yang hendak dikenakan terhadap perayu mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, "seriousness" kesalahan dan tahap penglibatan pesalah-pesalah itu sendiri. Prinsip ini diakui dalam kes *R v. Ipeelee* [2012] 1 SCR 433:

... proportionality … is not just a sanction. First, the principle ensures that a sentence reflects the gravity of the offence. … it promotes justice for the victims and ensures public confidence in the system of justice. Secondly, the principle of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriates, given the moral blameworthiness of the offender ...

[21] Justeru itu, dalam menentukan suatu hukuman yang setimpal, adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada faktor-faktor "aggravating factor" dan "mitigating factor" sebelum sesuatu hukuman tersebut dilupuskan. Konsep ini juga dinyatakan dalam kes *Yusmarin Samsuddin v. PP* [1999] 4 CLJ 391, mahkamah menegaskan seperti berikut:

... the principles of sentencing have long been entrenched and well settled in our criminal law jurisprudence and the court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following consideration:

1. The extent and seriousness of the offence committed;
2. The guilty person's antecedents and
3. The public interest.

[22] Mahkamah ini mengambil "judicial notice" bahawa kumpulan IS telah mula wujud selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq dalam tahun 2003 dan bertambah besar dan berpengaruh selepas tentera Amerika Syarikat keluar dari negara Iraq dalam tahun 2011. Malahan, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menetapkan usul bahawa kumpulan IS adalah sebuah kumpulan pengganas, dan ini berlaku jauh lebih awal daripada tarikh OKT ditangkap pada 13 Oktober 2014. Justeru itu, mahkamah ini telah membuat keputusan bahawa kumpulan IS adalah satu kumpulan pengganas bagi maksud Akta 613 dan terjumlah kepada tafsiran kumpulan pengganas, pengganas, entiti pengganas dan harta benda pengganas di bawah s. 130B Kanun Keseksaan.

terrorist means any person who -

(a) commits, or attempts to commit, any terrorist act ; or

(b) participates in or facilitates the commission of any terrorist act,

and includes a specified entity under section 66B or section 66C of the Anti-Money Laundering Act 2001;

"terrorist entity" means any entity owned or controlled by any terrorist or terrorist group and includes an association of such entities;

"terrorist group" means -

(a) an entity that has as one of its activities and purposes the committing of, or the facilitation of the commission of, a terrorist act; or

A (b) a specified entity under section 66B or section 66C of the Anti-Money Laundering Act 2001;

"terrorist property" means -

(a) proceeds from the commission of a terrorist act;

B (b) property that has been, is being, or is likely to be used to commit a terrorist act;

(c) property that has been, is being, or is likely to be used by a terrorist, terrorist entity or terrorist group;

(d) property owned or controlled by or on behalf of a terrorist, terrorist C entity or terrorist group, including funds derived or generated from such property; or

(e) property that has been collected for the purpose of providing support to a terrorist, terrorist entity or terrorist group or funding a terrorist act.

D (2) For the purposes of this Chapter, "terrorist act" means an act or threat of action within or beyond Malaysia where -

(a) the act or threat falls within subsection (3) and does not fall within subsection (4);

E (b) the act is done or the threat is made with the intention of advancing a political, religious or ideological cause; and

(c) the act or threat is intended or may reasonably be regarded as being intended to -

(i) intimidate the public or a section of the public; or

F (ii) influence or compel the Government of Malaysia or the Government of any state in Malaysia, any other government, or any international organisation to do or refrain from doing any act.

(3) An act or threat of action falls within this subsection if it -

G (a) involves serious bodily injury to a person;

(b) endangers a person's life;

(c) causes a person's death;

(d) creates a serious risk to the health or the safety of the public or a H section of the public;

(e) involves serious damage to property;

(f) involves the use of firearms, explosives or other lethal devices;

I

(g) involves releasing into the environment or any part of the environment or distributing or exposing the public or a section of the public to -

(i) any dangerous, hazardous, radioactive or harmful substance;

(ii) any toxic chemical; or

(iii) any microbial or other biological agent or toxin;

(h) is designed or intended to disrupt or seriously interfere with, any computer systems or the provision of any services directly related to communications infrastructure, banking or financial services, utilities, transportation or other essential infrastructure;

(i) is designed or intended to disrupt, or seriously interfere with, the provision of essential emergency services such as police, civil defence or medical services;

(j) involves prejudice to national security or public safety;

(k) involves any combination of any the acts specified in paragraph (a) to (j).

and includes any act or omission constituting an offence under the Aviation Offences Act 1984.

(4) An act ir threat of action falls within this subsection if it -

(a) is advocacy, protest, dissent or industrial action;

(b) is not intended -

(i) to cause serious bodily injury to a person;

(ii) to endanger the life of a person;

(iii) to cause a person's death; or

(iv) to create a serious risk to the health or safety of the public or a section of the public.

(5) For the purpose of subsection (2) -

(a) a reference to any person or property is a reference to any person or property wherever situated, within or outside Malaysia; and

(b) a reference to the public includes a reference to the public of a country or territory other than Malaysia.

[23] Seksyen 130J Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan memberi sokongan kepada kumpulan pengganas, hendaklah dihukum dengan penjara seumur hidup atau penjara selama tempoh tidak melebihi 30 tahun, atau denda dan bolehlah dirampas mana-mana harta yang telah digunakan atau diniat untuk digunakan untuk melakukan kesalahan itu. Walau bagaimanapun, bagi pertuduhan pilihan yang mana tertuduh telah disabitkan s. 511 Kanun Keseksaan menetapkan hukuman maksima bagi kesalahan cubaan (attempt) adalah separuh daripada hukuman maksima yang

telah diperuntukkan bagi kesalahan itu. Dalam kes terhadap tertuduh di sini, tertuduh boleh dihukum penjara maksima 15 tahun atau dihukum denda dan harta benda yang berkaitan boleh dirampas. Walaupun hukuman bagi kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh tidak menetapkan hukuman pemenjaraan secara mandatori, namun memandangkan keseriusan kesalahan berkaitan dengan unsur keganasan, adalah wajar hukuman pemenjaraan dikenakan bagi memberikan tauladan kepada masyarakat umum supaya menjauhi kesalahan seumpama ini. Kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan dalam menghadapi kesalahan yang melibatkan keganasan dengan tanpa mengira keganasan tersebut berlaku di dalam negara mahupun di luar negara. Kepentingan awam hendaklah dalam keadaan kes ini sentiasa mengatasi kepentingan seseorang tertuduh.

[24] Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh amatlah menjijikkan dan masyarakat mengutuk sekeras-kerasnya perlakuan ini, lebih-lebih lagi kejadian yang malang ini berlaku oleh anak bangsa sendiri. Dalam kes *PP lwn. Abdul Halim Ishak & Satu Lagi* [2013] 9 CLJ 559 dinyatakan seperti berikut:

> ... denunciation, in the context of sentencing, is achieved by the imposition of a sentence the severity of which makes a statement that the offence in question is not to be tolerated by society either in general or in a specific instance. The statement made may be directed at any combination of the public at large, victims, potential offenders and individual offenders. In part its aims are similar to that of deterrence, It has also been seen to be associated with retribution. (*Law Reform Commission New South Wales*) ...

[25] Mahkamah ini juga menitikberatkan suatu pindaan undang-undang peruntukan berhubung kesalahan di bawah Kanun Keseksaan telah dimasukkan yang mana hukuman yang boleh dikenakan bagi sabitan ini telah dipinda melalui Akta A1210/2006 untuk mencerminkan hukuman yang lebih berat di mana kesalahan berkaitan dengan gerakan militan dan keganasan mempunyai hukuman minima dan hukuman maksima dan juga sebatan. Ini dengan sekaligus mencerminkan betapa seriusnya kesalahan seperti ini. Di sini, mahkamah merujuk kepada kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 265 di mana YA Hashim Yeop A Sani menjelaskan tujuan suatu pindaan undang-undang dibuat, seperti berikut:

> ... The amendment passed by Parliament ... reflect the public policy. It must be presumed that behind the policy is the consideration of public interest. The change in the attitude of the legislature itself during the last three years reflects the seriousness of the problem.

[26] Dalam menentukan tempoh pemenjaraan yang bersesuaian terhadap tertuduh, mahkamah ini telah mengambil kira fakta serta keadaan yang berlaku dalam kes ini serta faktor-faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. Kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh adalah satu jenayah yang masih belum muktamad. Walaupun terdapat satu perancangan yang

rapi, ianya tidak dilakukan oleh tertuduh sendiri tetapi telah diatur sedemikian rupa oleh pihak Amir Azlan bin Zainuddin dan Nazhatulshima binti Sahak. Tertuduh telah mengalami kegagalan dalam pelajaran di peringkat sekolah dan terpesong dalam ajaran agama telah menyebabkan tertuduh mudah terpengaruh. Umur tertuduh yang masih muda (25 tahun masa kejadian) menyebabkan tertuduh tidak begitu matang serta berfikiran suntuk untuk memikirkan akibat daripada perbuatannya. Kedua-dua ibu bapa OKT telah tua dan OKT menjaga mereka.

[27] Mitigasi utama tertuduh yang wajar diberikan penekanan adalah faktor bahawa tertuduh telah mengaku bersalah dan bahawa tertuduh adalah pesalah pertama. Tertuduh adalah orang-orang yang terawal telah mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah kesalahan berkaitan dengan keganasan. Dengan mengaku salah, tertuduh telah dapat menyelamatkan masa dan perbelanjaan semua pihak. Saksi-saksi tidak perlu dipanggil oleh pihak pendakwaan. Mahkamah ini percaya bahawa pihak pendakwaan mempunyai tugas yang amat berat untuk membuktikan pertuduhan sekiranya perbicaraan penuh diadakan terutamanya untuk mendapatkan keterangan daripada pihak Syria dan Istanbul. Selain kes terhadap tertuduh, terdapat sebilangan kes yang seumpamanya yang masih tertunggak menunggu keterangan daripada pihak yang sama. Dengan hukuman penjara yang tidak begitu lama adalah diharapkan lebih ramai tertuduh akan mengikuti jejak langkah tertuduh untuk mengaku salah dan kes tertunggak dapat diselesaikan segera.

[28] Ini adalah kesalahan pertama tertuduh. Faktor ini juga telah saya ambil kira dalam menentukan tempoh hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh. Sebagai pesalah muda dan juga sebagai pesalah pertama, hukuman pemenjaraan untuk tempoh yang panjang tidak membawa sebarang kebaikan kepada masyarakat dan kepentingan awam. Hukuman penjara yang lama juga tidak membawa kebaikan kepada tertuduh dan keluarganya, malahan akan mendatangkan lebih keburukan. Saya berpandangan bahawa kepentingan awam lebih terjaga dan terpelihara sekiranya tertuduh tidak dipenjarakan untuk suatu tempoh yang terlalu lama. Tempoh pemenjaraan yang singkat, pada hemat saya telah mencapai matlamat memberi pengajaran serta pemulihan kepada masyarakat umum dan juga tertuduh.

[29] Dalam meneliti fakta kes ini, saya amat tertarik dengan hujahan peguambela apabila memetik kes *PP lwn. Ummi Kalsom Bahak* [2015] 7 CLJ 503 di mana di peringkat Mahkamah Tinggi, Yang Arif Hakim Kamardin Hashim telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap tertuduh. Kes ini juga telah dirayu oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya hingga ke Mahkamah Persekutuan (rujuk No. Kes : 05-172-08/2015) dan Mahkamah Persekutuan juga telah mengesahkan hukuman penjara selama dua tahun dan menolak rayuan pihak Pendakwa Raya. Saya telah meneliti penghakiman Mahkamah Rayuan (No. 05(S)-94-04(15), tetapi tiada mendapat apa-apa perintah bertulis Mahkamah Persekutuan, tetapi semasa menulis alasan

penghakiman ini saya meneliti keratan akhbar The Star bertarikh 21 Januari 2016 yang menerangkan penghakiman Mahkamah Persekutuan yang saya petik dalam Bahasa Inggeris seperti begini:

> Freedom at hand for lover of IS militant
>
> No extra jail term for Malaysian who wanted to go to Syria.
>
> Putrajaya : A former audit assistant could not contain her happiness after the Federal Court rejected an appeal to extend her two year jail term.
>
> The 26 years old woman will walk free from the Kajang prison within two weeks.
>
> Ummi Kalsom Bahak had been in jail for intending to marry a militant and attempting to lend support to the Islamic State movement.
>
> From the dock, Ummi Kalsom looked cheerful as she repeatedly turned around to speak to her equally elated family members seated in the public gallery.
>
> Yesterday, Court of Appeal president Justice Md Raus Sharif, who chaired a five man panel, dismissed an appeal by the prosecution to enchance her jail term.
>
> "The facts of the case show that she was not involved in terrorism. The purpose of the respondent was to marry the person she loved," said Justice Md Raus.
>
> The judge said the panel found that there was no reason to change the decision of the High Court, which had imposed the two-year jail term for the offence.
>
> Deputy public prosecutor Awang Armadajaya Awang Mahmud yesterday applied to have Ummi Kalsom's jail term increased from two to seven years enable her to undergo "rehabilitation counseling".
>
> DPP Awang Armadajaya reasoned that her jail term was insufficient for her counseling process.
>
> However, lead counsel Datuk Hanif Hassan applied for the sentence to be upheld, saying that his client was scheduled to be released on Feb 5.
>
> "She is prepared to return to society. She wants to help the appropriate parties create awareness on the danger of the terrorist movement," he said.
>
> Hanif also informed the court that Ummi Kalsom had only wanted to marry her lover and asked the court to give consideration over her interest as she had admitted to the offence.
>
> A court of Appeal had in July last year upheld her jail term.
>
> Ummi Kalsom was charged on Nov 1, 2014 with offering support, including agreeing to marry known militant Aqif Huessin Rahaizat, 26, by boarding an AirAsia flight to Brunei on her journey to Istanbul.

The accused, who was working in Damansara at the time, was arrested at the Immigration counter at KLIA2 at about 5.20am on Oct 5, 2014.

She was sentenced to two years in jail by the High Court in March last year.

Ummi Kalsom, who is the third of six siblings, had claimed trial in the Sessions Court when she was charged under Section 130J of the Penal Code for aiding terror activities.

She changed her plea when the case was brought before the High Court.

Ummi Kalsom faced an alternative charge of flying from KLIA2 to Brunei to give support to IS by entering Syria, after flying from Brunei to Istanbul with the intention to marry Aqif Huessin for the benefit of the militant group.

Berdasarkan kepada penghakiman Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan dan Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, saya mendapati tertuduh dalam kes ini hanyalah berperanan untuk cuba mengikuti jejak langkah rakan-rakannya untuk berjuang ke Syria tanpa mengetahui perkara-perkara lain. Tertuduh bukanlah perancang utama dalam misi dan mengetuai perjuangan ke Syria.

[30] Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya berpandangan hukuman penjara dua tahun terhadap tertuduh adalah memadai dan setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan. Hukuman itu dirasakan adalah sesuai di dalam keadaan dan situasi kes terhadap tertuduh dalam kes ini. Saya berterima kasih kepada pihak-pihak TPR dan peguam dalam melupuskan kes perbicaraan ini dengan segera.